4. Sebuah pili dipasang pada bahagian paling bawah sebuah tangki yang diisi penuh dengan air. Pili itu kemudiannya dibuka dan ketinggian paras air dalam tangki tersebut pada masa tertentu direkodkan seperti dalam jadual berikut.

A tap is installed at the lowest part of the water tank that filled up with water. The tap is opened and the height of the water level in the tank at particular time is recorded as in the following table.


Masa, t minit <i>Time, t minutes</i>	0	10	20	30	40	50
Ketinggian air, h cm <i>Height of water level, h cm</i>	200	180	160	140	120	100

- (a) Berdasarkan jadual di atas, lukis graf masa melawan ketinggian air di dalam tangki.
Based on the table above, draw the graph of time against the height of the water level in the tank.
- (b) Terbitkan suatu model matematik bagi situasi di atas.
Derive a mathematical model for above situation.
- (c) Nyatakan satu andaian yang mungkin untuk situasi di atas.
State a possible assumption for the above situation.


[10 markah/marks]

Jawapan/Answer:

(a)



1. Rajah menunjukkan dua garis selari yang dilukis pada suatu satah Cartes.
The diagram shows two parallel lines drawn on a Cartesian plane



- (a) Cari kecerunan garis lurus PQ .
Find the gradient of the straight line PQ .
- (b) Cari persamaan garis lurus RS .
Find the equation of the straight line RS .
- (c) Cari pintasan- x bagi garis lurus RS .
Find the x -intercept of the straight line RS .

[2 markah/marks]


[2 markah/marks]

[2 markah/marks]

Jawapan/Answers:

2. Rajah menunjukkan dua garis selari, RS dan PQ , dilukis pada suatu satah Cartes. Garis lurus PR selari dengan paksi- y .

The diagram shows two parallel lines, RS and PQ , drawn on a Cartesian plane. The straight line PR is parallel to the y -axis.



- (a) Cari kecerunan garis lurus PQ .
Find the gradient of the straight line PQ .
- (b) Cari persamaan garis lurus PR .
Find the gradient of the the straight line PR .
- (c) Cari persamaan garis lurus RS .
Find the equation of the straight line RS .
- (d) Cari pintasan- x bagi garis lurus RS .
Find the x -intercept of the straight line RS .

[2 markah/marks]


[2 markah/marks]

[2 markah/marks]

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:


3. Rajah menunjukkan garis lurus PQ dengan persamaan $2y = 3x + 2$.
The diagram shows the straight line PQ with the equation $2y = 3x + 2$.



- (a) Nyatakan kecerunanan dan pintasan- x bagi garis lurus PQ .
State the gradient and the x -intercept for the straight line PQ . [2 markah/marks]
- (b) (i) Cari persamaan garis lurus yang melalui titik S dan selari dengan garis lurus PQ .
Find the equation of the straight line passing through the point S and parallel to the straight line PQ . [3 markah/marks]
- (ii) Seterusnya, cari pintasan- x bagi garis itu.
Next, find the x -intercept of the line. [3 markah/marks]

Jawapan/Answer:


4. Rajah menunjukkan sebuah trapezium yang dilukis pada suatu satah Cartes. Garis lurus PQ selari dengan garis lurus SR dan garis lurus QR selari dengan paksi- y . Persamaan garis lurus PQ ialah $3y = 2x + 17$.
The diagram shows a trapezium which is drawn on a Cartesian plane. The straight line PQ is parallel to the straight line SR and the straight line QR is parallel to y -axis. The equation of the straight line PQ is $3y = 2x + 17$.



- (a) Cari nilai p .
Find the value of p . [2 markah/marks]
- (b) Cari persamaan garis lurus QR .
Find the equation of the straight line QR . [1 markah/mark]
- (c) Cari persamaan dan pintasan- x bagi garis lurus RS .
Find the equation and x -intercept of the straight line RS . [3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

5. Rajah menunjukkan dua garis lurus selari PQR dan ST .
The diagram shows two parallel straight lines PQR and ST .




Diberi persamaan garis lurus PQR ialah $3y - 2x + 6 = 0$ dan QT selari dengan paksi- y .
Given the equation of the straight line PQR is $3y - 2x + 6 = 0$ and QT is parallel to the y -axis.

- Cari persamaan garis lurus QT .
Find the equation of the straight line QT .
- Cari persamaan garis lurus ST .
Find the equation of the straight line ST .
- Cari pintasan- x bagi garis lurus ST .
Find the x -intercept of the straight line ST .

[7 markah/marks]

Jawapan/Answer:


6. Rajah menunjukkan pergerakan dua buah kereta, K dan L , yang menuju ke Bandar R .
The diagram shows the movement of two cars, K and L , going to Town R .



- (a) Diberi jarak LV ialah 25 unit, nyatakan koordinat Bandar V .
Given the distance of LV is 25 units, state the coordinates of Town V . [3 markah/marks]
- (b) Hitung persamaan garis lurus pergerakan kereta K ke Bandar V .
Calculate the equation of the straight line for the movement of car K to Town V . [2 markah/marks]
- (c) Diberi laju pergerakan kereta L ke bandar V ialah 80 km h^{-1} . Hitung tempoh masa pergerakan kereta itu, dalam jam dan minit, jika diberi skala garis lurus LV ialah 1 unit : 40 km.
Given the speed of the movement of car L to town V is 80 km h^{-1} . Calculate the duration of the car's movement, in hours and minutes, if given the scale of the straight line LV is 1 unit : 40 km. [4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

7. Rajah menunjukkan sebuah trapezium $PQRS$ yang dilukis pada suatu satah Cartes.
The diagram shows a trapezium $PQRS$ drawn on a Cartesian plane.



- (a) Nyatakan persamaan garis lurus PS .
State the equation of the straight line PS . [1 markah/mark]
- (b) Diberi luas trapezium $PQRS$ ialah 180 unit^2 .
Given the area of the trapezium $PQRS$ is 180 units^2 .
- (i) Cari koordinat P .
Find the coordinate of P . [3 markah/marks]
- (ii) Hitung persamaan garis lurus PQ .
Calculate the equation of the straight line PQ . [3 markah/marks]
- (c) Cari persamaan dan pintasan- x bagi garis lurus RS .
Find the equation and x -intercept of the straight line RS . [3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

KERTAS MODEL SPM

KERTAS 1 [40 markah/marks]

Jawab **semua** soalan.
Answer **all** questions.

1. Rajah 1 menunjukkan urutan nombor Fibonacci dan suatu pola nombor.

Diagram 1 shows a sequence of Fibonacci numbers and a number pattern.

Urutan nombor Fibonacci <i>Sequence of Fibonacci numbers</i>	3, 7, 10, 17, 27, 44, X , 115, ...
Pola nombor <i>Number pattern</i>	27, 21, Y , 9, 3, -3 , Z , -15 , ...

Rajah 1/Diagram 1

Hitung nilai bagi $X + (Y - Z^2)$.

Find the value of $X + (Y - Z^2)$.

- A 5
B 83
C 89
D 167

2. Penerima vaksin di negara X sehingga bulan Disember 2022 adalah seramai 4.53×10^5 dan kadar pertambahan bilangan penerima vaksin setiap hari adalah dua kali 1.76×10^2 . Hitung jumlah penerima vaksin dalam tempoh 30 hari seterusnya, dibundarkan kepada empat angka bererti.

The number of people who have been vaccinated in country X up to December 2022 is 4.53×10^5 and the rate of increase in the number of vaccinations every day is twice of 1.76×10^2 . Calculate the total number of vaccinations in the next 30 days, rounded off to four significant figures.

- A 463 700 C 458 400
B 463 600 D 458 300

3. Diberi bahawa 30 pepejal logam berbentuk silinder, setiap satu dengan diameter 70 cm dan tinggi 140 cm, telah dileburkan untuk membentuk 5 000 buah pepejal sfera yang serupa. Hitung isi padu, dalam cm^3 , setiap pepejal sfera itu.

It is given that 30 solid metal cylinders, each with a diameter of 70 cm and a height of 140 cm, were melted down to form 5 000 similar solid spheres. Calculate the volume, in cm^3 , of each solid sphere.

- A 3.234×10^5 C 1.294×10^4
B 3.234×10^3 D 1.294×10^5

4. $54621_7 + 2364_7 =$

- A 603150_7 C 62415_7
B 14565_7 D 60315_7


5. Diberi hasil tambah bagi $5342_7 - 678_9$ dan $2375_8 - 3413_6$ ialah P_{10} . Hitung nilai P .

Given that the sum of $5342_7 - 678_9$ and $2375_8 - 3413_6$ is P_{10} . Calculate the value of P .

- A 6326 C 1853
B 3626 D 1811

6. Rajah 2 menunjukkan sebahagian daripada pepenjuruan poligon sekata.

Diagram 2 shows a part of the vertices of a regular polygon.



Rajah 2/Diagram 2


Hitung bilangan sisi bagi poligon sekata itu.

Calculate the number of sides of the regular polygon.

- A 15 C 12
B 13 D 10

7. Dalam Rajah 3, PQ dan RS ialah dua garis lurus selari.

In Diagram 3, PQ and RS are two parallel straight lines.




Rajah 3/Diagram 3

Hitung nilai $x + y$.

Calculate the value of $x + y$.

- A 128°
B 126°
C 118°
D 116°

8. Dalam Rajah 4, JKL ialah tangen kepada bulatan berpusat O , di titik K . $JMON$ ialah garis lurus.
In Diagram 4, JKL is a tangent to the circle with centre O , at point K . $JMON$ is a straight line.




Rajah 4/Diagram 4

Hitung nilai x .

Calculate the value of x .

- A 28° C 44°
 B 43° D 62°
9. Rajah 5 menunjukkan sebuah bulatan. PQR dan STU ialah garis lurus. STU ialah tangen kepada bulatan di T .

Diagram 5 shows a circle. PQR and STU are straight lines. STU is a tangent to the circle at T .




Rajah 5/Diagram 5

Hitung nilai $x + y$.

Calculate the value of $x + y$.

- A 112° C 157°
 B 135° D 87°
10. Rajah 6 menunjukkan empat bucu sisi empat sama dengan sisi 5 cm.
Diagram 6 shows four squares with sides 5 cm long.



Rajah 6/Diagram 6

X ialah lokus titik yang bergerak dalam rajah itu. Antara berikut, yang manakah menerangkan lokus X ?

X is the locus of a point moving inside the diagram. Which of the following describes the locus X ?

- A X ialah lokus titik yang bergerak dengan keadaan sentiasa berjarak 10 cm daripada titik S .
 X is the locus of a moving point that is always 10 cm from point S .

- B X ialah lokus titik yang bergerak dengan keadaan sentiasa berjarak 10 cm daripada garis lurus SR .

X is the locus of a moving point that is always 10 cm from the straight line SR .

- C X ialah lokus titik yang bergerak sentiasa sama jarak daripada garis lurus PS dan SR .

X is the locus of a moving point that is equidistant from the straight lines PS and SR .

- D X ialah lokus titik yang bergerak sentiasa sama jarak daripada garis lurus PQ dan QR .

X is the locus of a moving point that is equidistant from the straight lines PQ and QR .

11. Rajah 7 menunjukkan beberapa keping kad di dalam sebuah bekas.

Diagram 7 shows several cards in a container.



Rajah 7/Diagram 7

Sekeping kad dipilih secara rawak. Hitung kebarangkalian mendapat kad huruf vokal.

A card is selected at random. Calculate the probability of selecting a vowel letter card.

- A $\frac{1}{4}$ C $\frac{1}{2}$
 B $\frac{3}{8}$ D $\frac{5}{8}$

12. Dalam satu perlawanan akhir bola sepak antara Johor dengan Selangor, kebarangkalian pasukan Johor dan Selangor menang masing-masing ialah $\frac{4}{7}$ dan $\frac{5}{9}$. Hitung kebarangkalian kedua-dua pasukan kalah perlawanan itu.

In a final football match between Johor and Selangor, the probability of Johor and Selangor teams winning are $\frac{4}{7}$ and $\frac{5}{9}$ respectively. Calculate the probability of both teams losing in the match.

- A $\frac{10}{63}$ C $\frac{5}{21}$
 B $\frac{16}{63}$ D $\frac{4}{21}$

13. $3(p + 3) - (2 - 5p)^2 =$

- A $5 + 23p - 25p^2$ C $5 + 3p - 25p^2$
 B $13 - 7p + 25p^2$ D $13 + 3p + 25p^2$

14. Nyatakan $\frac{9pq}{2+q} \div \frac{3pq-6q}{4-q^2}$ sebagai suatu pecahan tunggal dalam sebutan termudah.

Express $\frac{9pq}{2+q} \div \frac{3pq-6q}{4-q^2}$ as a single fraction in the lowest terms.

- A $\frac{3p(2-q)}{9p}$ C $\frac{3p(q-2)}{p-2}$
 B $\frac{3p(2-q)}{6p}$ D $\frac{3p(2-q)}{p-2}$

15. Diberi $3P - 1 = \frac{Q - 3}{5R}$, ungkapkan R dalam sebutan P dan Q .

Given that $3P - 1 = \frac{Q - 3}{5R}$, express R in terms of P and Q .

- A $R = \frac{Q - 3}{5(3P - 1)}$
 B $R = \frac{Q - 3}{3P - 1}$
 C $R = \frac{Q}{5P - 1}$
 D $R = \frac{Q - 3}{15P}$

16. Jadual 1 menunjukkan jisim, dalam kg, bagi 40 orang murid kelas 4 Sains.

Table 1 shows the mass, in kg, of 40 students in class 4 Science.

Jisim (kg) Mass (kg)	Kekerapan Frequency
50 – 54	5
55 – 59	7
60 – 64	11
65 – 69	9
70 – 74	8

Jadual 1/ Table 1

Hitung min jisim, dalam kg, bagi seorang murid.

Calculate the mean mass, in kg, for a student.

- A 63.5 C 65.0
 B 63 D 65.5

17. Jadual 2 menunjukkan markah bagi lima mata pelajaran yang diperolehi Wong dalam satu ujian.

Table 2 shows the marks obtained by Wong for five subjects in a test.

Mata pelajaran Subject	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris English	Matematik Mathematics	Sejarah History	Sains Science
Markah Marks	83	58	70	65	74

Jadual 2/ Table 2


Hitung sisihan piawai bagi data tersebut.

Calculate the standard deviation for the data.

- A 70.8
 B 70.0
 C 18.81
 D 8.41

18. Rajah 8 menunjukkan sebuah objek R .

Diagram 8 shows an object R .



Rajah 8/ Diagram 8


S ialah lukisan berskala bagi R . Hitung skala bagi lukisan berskala S .

S is a scale drawing of R . Calculate the scale of the scale drawing S .

- A $1 : \frac{1}{2}$ C $1 : \frac{1}{3}$
 B $1 : 2$ D $1 : 3$

19. Rajah 9 menunjukkan dua buah segi tiga bersudut tegak, PQS dan TQR . PQR ialah garis lurus dan S ialah titik tengah TQ .

Diagram 9 shows two right-angled triangles, PQS and TQR . PQR is a straight line and S is the midpoint of TQ .



Rajah 9/ Diagram 9



Diberi $\tan \angle PSQ = \frac{3}{2}$. Cari nilai bagi $\cos \theta$.



It is given that $\tan \angle PSQ = \frac{3}{2}$. Find the value of $\cos \theta$.

- A 0.7030
 B 0.7031
 C 0.7100
 D 0.7130

20. Antara berikut, yang manakah mewakili graf $y = \cos x$ untuk $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$?

Which of the following represents the graph of $y = \cos x$ for $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$?





21. JKL ialah sebuah segi tiga bersudut tegak di mana $K(-4, 3)$ dan $L(2, 3)$. J berada di atas K . Diberi jarak JL ialah 10 unit, hitung koordinat titik J .


JKL is a right-angled triangle with the vertices $K(-4, 3)$ and $L(2, 3)$. J lies above K . Given that the distance JL is 10 units, calculate the coordinates of point J .

- A $(-4, 11)$ C $(-4, 13)$
 B $(-4, 12)$ D $(-4, 14)$
22. Semua yang berikut ialah persamaan bagi suatu garis lurus yang melalui titik $(3, 5)$ dan $(8, -5)$ **kecuali**

All of the following are equations of a straight line passing through the points $(3, 5)$ and $(8, -5)$ **except**

- A $\frac{x}{11} + \frac{2y}{11} = 1$ C $y = -2x + 11$
 B $y + 2x - 11 = 0$ D $\frac{2x}{11} + \frac{y}{11} = 1$

23. Harga bagi seekor lembu ialah $\text{RM}(101x - 80)$. Encik Ahmad membayar sejumlah $\text{RM}\frac{2(11x + 70)}{0.25}$ sahaja untuk seekor lembu. The price of a cow is $\text{RM}(101x - 80)$. Encik Ahmad pays only $\text{RM}\frac{2(11x + 70)}{0.25}$ for a cow.



Rajah 10/Diagram 10

Hitung harga asal lembu itu. Calculate the original price of the cow.

- A RM9 500
 B RM9 000
 C RM8 500
 D RM8 000


24. Encik Rajan memandu dengan kelajuan 80 km j^{-1} dalam masa 1 jam 24 minit dari bandar P ke bandar Q . Dalam perjalanan pulang, dia memandu dengan kelajuannya 70 km j^{-1} . Dia sampai ke rumahnya pada jam 5:27 p.m.. Hitung masa, dia memulakan perjalanan pulangnyanya.

Encik Rajan drives at a speed of 80 km h^{-1} for 1 hour 24 minutes from town P to town Q . On the trip back, he drives at a speed of 70 km h^{-1} . He arrives home at 5:27 p.m.. Calculate the time he started on the drive back.

- A 3:27 p.m. C 3:47 p.m.
 B 3:51 p.m. D 4:03 p.m.

25. Rajah 11 menunjukkan beberapa rantau yang dilabelkan dan empat garis lurus yang dilukis pada satah Cartes.

Diagram 11 shows several labelled regions and four straight lines drawn on a Cartesian plane.



Rajah 11/Diagram 11

Antara rantau A , B , C dan D , yang manakah memuaskan ketiga-tiga ketaksamaan, $x \leq 8$, $y > x$ dan $2y + x > 8$?

Which of the regions A , B , C or D , satisfies the three inequalities, $x \leq 8$, $y > x$ and $2y + x > 8$?

26. Hitung/Calculate $\frac{3^{\frac{1}{2}} \times 12^{\frac{1}{2}}}{24^{\frac{2}{3}}}$.

- A $\frac{3\sqrt{3}}{2^3}$ C $\frac{2^3}{3\sqrt{3}}$
 B $\frac{3\sqrt{3}}{2}$ D $\frac{2}{3\sqrt{3}}$

27. Diberi $2^{3m} = \frac{8}{2^m}$. Cari nilai m .

It is given that $2^{3m} = \frac{8}{2^m}$. Find the value of m .


- A $\frac{3}{2}$ C $\frac{3}{4}$
 B $\frac{4}{3}$ D $\frac{2}{3}$

28. Senaraikan semua subset bagi $P = \{2, P, Q\}$.

List all the subsets of $P = \{2, P, Q\}$.

- A $\{2\}, \{P\}, \{Q\}$
 B $\{2\}, \{P\}, \{Q\}, \{ \}$
 C $\{2\}, \{P\}, \{Q\}, \{2P\}, \{2Q\}, \{PQ\}, \{2PQ\}$
 D $\{2\}, \{P\}, \{Q\}, \{2P\}, \{2Q\}, \{PQ\}, \{2PQ\}, \{ \}$

29. Rajah 12 menunjukkan gambar rajah Venn dengan set semesta $\xi = X \cup Y \cup R$.
Diagram 12 shows a Venn diagram with the universal set $\xi = X \cup Y \cup R$.




Rajah 12/Diagram 12

Antara berikut, operasi bergabung yang manakah memberi set kosong?

Which of the following combined operation gives a null set?

- A $(X \cup Y)' \cap R$ C $(X \cap Y)' \cap R$
B $(X \cup Y)' \cap R'$ D $(X \cap Y)' \cap R'$
30. Rajah 13 menunjukkan sebidang tanah berbentuk segi tiga bersudut tegak.

Diagram 13 shows a plot of land in the shape of a right-angled triangle.




Rajah 13/Diagram 13

Keseluruhan tanah itu akan dipasang pagar dengan kos RM(2x + 1) bagi setiap 1 meter. Hitung kos, dalam RM, untuk memagari keseluruhan tanah tersebut.

The whole plot of land will be fenced up at a cost of RM(2x + 1) for every 1 metre. Calculate the cost, in RM, to fence up the entire plot of land.

- A RM4 480 C RM5 500
B RM4 640 D RM9 520
31. Rajah 14 menunjukkan sebuah bekas air yang berbentuk silinder dengan diameter 14 cm dan tinggi 21 cm.
Diagram 14 shows a cylindrical water container with a diameter of 14 cm and a height of 21 cm.



Rajah 14/Diagram 14

Hitung luas permukaan bekas air itu, dalam cm^2 .
Calculate the total surface area of the water container, in cm^2 .

- A 1 078 C 2 156
B 1 232 D 2 648

32. Adam Ikmal membeli sebuah rumah kediaman 4 bilik dan 2 bilik air dengan bayaran ansuran RM1 300 sebulan. Dia kemudian menyewa rumah tersebut dengan kadar bayaran RM400 bagi setiap bilik. Keuntungan dari sewaan disimpan ke dalam simpanan pada kadar faedah 4.5% setahun. Hitung jumlah faedah simpanan Adam Ikmal pada bulan ke-12.

Adam Ikmal buys a house with 4 bedrooms and 2 toilets by paying instalments of RM1 300 per month. He then rents out the bedrooms at RM400 per room. The profit from the rent is placed in a savings account that pays a interest of 4.5% per annum. Calculate the total interest that Adam Ikmal receives in the 12th month.

- A RM135 C RM216
B RM162 D RM864

33. Diberi y berubah secara langsung dengan $8x - 3$ dan $y = 225$ apabila $x = 6$. Hitung nilai x apabila $y = 17$.

It is given that y varies directly as $8x - 3$ and $y = 225$ when $x = 6$. Calculate the value of x when $y = 17$.

- A 0.7 C 2.5
B 0.8 D 7.5

34. Diberi bahawa harga bagi sepasang baju Melayu berubah secara langsung dengan kuasa dua harga bagi semeter kain dan secara songsang dengan 4 kali kadar upah. Harga bagi sepasang baju Melayu itu ialah RM80 apabila harga bagi semeter kain ialah RM8 dan kadar upah ialah RM10. Sepanjang musim pandemik, kos semeter kain meningkat kepada RMx dan kos upah turut meningkat kepada RM20 yang menyebabkan harga sepasang baju Melayu turut naik RM10 daripada harga sebelumnya. Hitung nilai x.

It is given that the price of a set of baju Melaju varies directly as the square of the price of a metre of fabric and inversely as 4 times the workmanship cost. The price of a set of baju Melaju is RM80 when the price of a metre of fabric is RM8 and the workmanship cost is RM10. Throughout the pandemic, the cost of a metre of fabric increased to RMx and the workmanship cost also increased to RM20 causing the price of a set of baju Melaju to increase RM10 compared to the previous price. Calculate the value of x.

- A RM12.00 C RM10.50
B RM11.00 D RM9.50

35. Antara berikut, yang manakan **bukan** keutamaan untuk dipertimbangkan bagi merangka plan kewangan jangka panjang?

Which of the following is **not** an important consideration to draft a long-term financial plan?

- A Kadar inflasi / Rate of inflation
B Kadar keuntungan / Rate of profit
C Tahap kesihatan diri / Personal health condition
D Kadar faedah yang dikenakan / Rate of interest charged

KERTAS 2

Bahagian A Section A [40 markah/marks]

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.
Answer all questions in this section.

1. Damin mempunyai pendapatan bulanan berjumlah RM4 280. Berikut adalah maklumat pendapatan dan perbelanjaan bulanannya.
Damin has a monthly income of RM4 280. The following is an information of his monthly income and expenditure.

• Ansuran pinjaman rumah <i>Housing loan instalment</i>	RM1 500	• Petrol dan tol <i>Petrol and tolls</i>	RM300
• Ansuran pinjaman kereta <i>Car loan instalment</i>	RM850	• Simpanan <i>Savings</i>	RM150
• Perbelanjaan dapur <i>Groceries</i>	RM1 200	• Lain-lain perbelanjaan <i>Others expenses</i>	RM700
• Utiliti <i>Utilities</i>	RM270	• Komisen sebagai agen jualan <i>Commission as a sales agent</i>	RM1 300

Tentukan aliran tunai Damin.
Determine Damin's cash flow.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

2. Martina menyimpan sejumlah RM18 000 ke dalam satu akaun simpanan tetap yang menawarkan kadar faedah 2.5% dikompaun setiap suku tahun bagi tempoh 3 tahun. Hitung jumlah faedah yang diterima oleh Martina di akhir tempoh simpanannya.
Martina saves a total of RM18 000 into a fixed savings account that offers an interest rate of 2.5% compounded quarterly for a period of 3 years. Calculate the amount of interest received by Martina at the end of her savings period.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

3. Haikal mempunyai sebuah rumah dengan nilai boleh insurans RM200 000. Dia mempunyai polisi insuran kebakaran dengan syarikat ABC dengan peratusan ko-insurans 80/20 dan deduktibel sebanyak RM7 500. Dia membayar premium yang memberikan perlindungan maksimum berjumlah RM150 000. Pada suatu masa tertentu, bahagian dapur rumahnya mengalami kebakaran yang menyebabkan kerugian berjumlah RM30 000. Hitung jumlah pampasan yang boleh dituntut oleh Haikal daripada syarikat ABC.

Haikal has a house with the insured value of RM200 000. He has fire insurance policy from company ABC with the co-insurance percentage of 80/20 and a deductible of RM7 500. He pays a premium that gives maximum protection of RM150 000. On a particular day, the kitchen area caught in fire suffering the loss to RM30 000. Calculate the total compensation that Haikal can claim from company ABC.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

4. Diberi suatu hujahan seperti yang berikut.

Given an argument as follows.

Premis 1: Semua sayuran ialah sayuran hijau.

Premise 1: All vegetables are green vegetable.

Premis 2: Sawi ialah sayuran.

Premise 2: Mustard is a vegetable.

Premis 3: Brokoli ialah sayuran.

Premise 3: Broccoli is a vegetable.

Kesimpulan: Sawi dan brokoli ialah sayuran hijau.

Conclusion: Mustard and broccoli are green vegetable.

Tentukan kesahan dan kemunasabahan hujahan ini.

Determine the validity and reasonableness of this argument.


[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

5. Pada Rajah 1 di ruang jawapan, lorekkan rantau yang memuaskan ketiga-tiga ketaksamaan $y \leq 5$, $x > -10$ dan $2y \geq x + 10$.
On the Diagram 1 in the answer space, shade the region that satisfies all three inequalities $y \leq 5$, $x > -10$ and $2y \geq x + 10$.


[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:



Rajah 1/Diagram 1

6. Rajah 2 menunjukkan sebuah segi empat sama, $PQRS$ dengan keluasan 100 cm^2 .
The Diagram 2 shows a square, $PQRS$ with an area of 100 cm^2 .




Rajah 2/Diagram 2

Cari nilai θ .
Find the value of θ .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

7. Rajah 3 menunjukkan sebuah jubin berukuran $(3x + 2)$ cm \times $(2y + 3)$ cm. Diberi perimeter jubin itu ialah 78 cm dan beza panjang dan lebar jubin itu ialah 13 cm.
Diagram 3 shows a tile measuring $(3x + 2)$ cm \times $(2y + 3)$ cm. It is given that the perimeter of the tile is 78 cm and the difference between the length and width of the tile is 13 cm.



Rajah 3/Diagram 3


Menggunakan kaedah matriks, cari nilai x dan y dan seterusnya hitung luas, dalam cm^2 , jubin itu.

Using a matrix method, find the values of x and y , and hence calculate the area, in cm^2 , of the tile.

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:

8. Rajah 4 menunjukkan beberapa keping kad berlabel di dalam kotak X dan kotak Y .
Diagram 4 shows several pieces of labelled cards in box X and box Y .



Rajah 4/Diagram 4

Sekeping kad dipilih secara rawak dari kotak X dan dicatatkan. Jika kad itu berlabel nombor genap, kad kedua dipilih secara rawak dari kotak yang sama. Jika kad itu berlabel nombor ganjil, kad kedua dipilih secara rawak dari kotak Y . Kad yang dipilih ditulis sebagai satu nombor dua digit.

A card is randomly selected from box X and recorded. If the card is labelled with an even number, a second card is randomly selected from the same box. If the card is labelled with an odd number, a second card is randomly selected from box Y . The selected cards are written as a two-digit number.

- (a) Senaraikan ruang sampel.

List a sample space.

[2 markah/marks]

- (b) Dengan menyenaraikan semua kesudahan yang mungkin, hitung kebarangkalian


By listing all the possible outcomes, calculate the probability

- (i) nombor kuasa dua sempurna yang terhasil,
a perfect square number is formed,
- (ii) nombor perdana atau nombor gandaan tiga terhasil.
a prime number or multiples of three are formed.


[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

9. Rajah 5.1 dan Rajah 5.2 masing-masing menunjukkan graf jarak-masa dan graf laju-masa pergerakan sebuah kereta dari bandar X ke bandar Y .
Diagram 5.1 and Diagram 5.2 shows the distance-time graph and the speed-time graph respectively of the movement of a car from town X to town Y .



Rajah 5.1/Diagram 5.1




Rajah 5.2/Diagram 5.2

Hitung nilai x dan y .
Calculate the values of x and of y .

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

10. Rajah 6 menunjukkan sebuah segi empat selari yang dilukis pada satah Cartes, mewakili kedudukan rumah Farid, sekolah, stesen bas dan pasar raya. Diberi skala ialah 1 unit = 2 km.
 Diagram 6 shows a parallelogram drawn on a Cartesian plane, representing Farid's house, school, bus station and supermarket. Given that the scale is 1 unit = 2 km.



Rajah 6/Diagram 6

- (a) Hitung jarak, dalam km, daripada rumah Farid ke sekolah.
 Calculate the distance, in km, from Farid's house to school.
- (b) Tentukan persamaan garis lurus dari rumah Farid ke stesen bas.
 Determine the equation of the straight line from Farid's house to the bus station.

[2 markah/marks]

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Bahagian B
Section B
[45 markah/marks]

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.
Answer all questions in this section.


11. (a) Diberi **T** ialah translasi $\begin{pmatrix} 4 \\ -2 \end{pmatrix}$ dan **S** ialah pantulan pada garis $y = -x + 1$.

Given T is the translation $\begin{pmatrix} 4 \\ -2 \end{pmatrix}$ and S is the reflection on the line $y = -x + 1$.

- (i) Nyatakan koordinat imej bagi titik $(1, -1)$, di bawah gabungan transformasi **TS**.
State the image coordinates for the point $(1, -1)$, under the combined transformation TS.
- (ii) $(6, -3)$ ialah imej bagi titik $(9, 0)$ di bawah suatu translasi. Nyatakan vektor bagi translasi itu.
 $(6, -3)$ is an image for point $(9, 0)$ under a translation. State the vector for the translation.

[3 markah/marks]

- (b) Rajah 7 menunjukkan tiga sisi empat, **DEFG**, **JKLM** dan **PQRS** yang dilukis pada suatu satah Cartes.
Diagram 7 shows three quadrilaterals, DEFG, JKLM and PQRS drawn on a Cartesian plane.



Rajah 7/Diagram 7

- (i) **PQRS** ialah imej bagi **DEFG** di bawah gabungan transformasi **VU**. Huraikan gabungan transformasi itu.
PQRS is the image of DEFG under the combined transformation VU. Describe the combined transformation.

[6 markah/marks]

- (ii) Diberi luas bagi **DEFG** ialah 360 cm^2 , hitung luas, dalam cm^2 , kawasan berlorek.
Given the area of DEFG is 360 cm^2 , calculate the area, in cm^2 , of the shaded area.

[2 markah/marks]

Jawapan/*Answer*:

(a) (i)

(ii)

(b) (i)

(ii)

12. (a) Lorekkan setiap set berikut di ruang jawapan.
Shade each of the following set in the answer space.

(i) P'

(ii) $R' \cap (P \cup Q)$

[3 markah/marks]

- (b) Diberi bahawa:

It is given that,

$$\xi = P \cup Q \cup R,$$

Set $P = \{\text{nombor kuasa dua sempurna dua digit tidak lebih daripada 100}\},$

$\{\text{two-digit number that is a perfect square not greater than 100}\},$

Set $Q = \{\text{nombor perdana dua digit tidak kurang daripada 15 dan selebih-lebihnya 35}\},$

$\{\text{two-digit prime number not less than 15 and not greater than 35}\},$

Set $R = \{19, 23, 35, 49, 55, 81\}.$


Dengan menyenaraikan semua unsur, nyatakan $n[(P \cup R') \cup (Q \cap R)].$

By listing all the elements, state $n[(P \cup R') \cup (Q \cap R)].$

[3 markah/marks]

- (c) Rajah 8 ialah sebuah gambar rajah Venn yang menunjukkan bilangan unsur dalam set X , set Y dan set Z dan set semesta, $\xi = X \cup Y \cup Z$. Diberi $n(X \cup Z) = 35$.

Diagram 8 is a Venn diagram that shows the number of elements in set X , set Y and set Z and the universal set, $\xi = X \cup Y \cup Z$. It is given that $n(X \cup Z) = 35$.



Rajah 8/Diagram 8


Hitung nilai x .

Calculate the value of x .


[2 markah/marks]

Jawapan/Answer:

- (a) (i)



- (ii)



- (b)

- (c)

13. (a) Jadual 1.1 menunjukkan markah yang diperolehi Annur dalam satu ujian bulanan.

Table 1.1 shows the marks obtained by Annur in a monthly test.

Mata pelajaran <i>Subject</i>	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris <i>English</i>	Matematik <i>Mathematics</i>	Sejarah <i>History</i>	Sains <i>Science</i>	Ekonomi <i>Economics</i>
Markah <i>Marks (%)</i>	91	65	88	74	84	72

Jadual 1.1/*Table 1.1*

- (i) Hitung min markah yang diperolehi.

Calculate the mean marks obtained.

[2 markah/marks]

- (ii) Hitung sisihan piawai bagi markah tersebut.

Calculate the standard deviation of the marks.

[2 markah/marks]

- (b) Jadual 1.2 menunjukkan catatan skor bagi pasukan *X* dan pasukan *Y* dalam satu kejohanan memanah.

Table 1.2 shows the scores of team X and team Y in an archery competition.

Skor <i>Score</i>	1 – 5	6 – 10	11 – 15	16 – 20	21 – 25
Pasukan X <i>Team X</i>	2	4	3	6	5
Pasukan Y <i>Team Y</i>	0	7	8	3	2

Jadual 1.2/*Table 1.2*

Hitung min dan sisihan piawai bagi setiap pasukan. Kemudian tentukan pasukan yang mempunyai skor yang lebih baik dan konsisten. Berikan justifikasi anda.

Calculate the mean and standard deviation of each team. Then determine the team that has better and more consistent scores. Give your justification.

[7 markah/marks]

Jawapan/*Answer:*


- (a) (i)

- (ii)

- (b)


14. Rajah 9.1 menunjukkan sejumlah kad berlabel dengan huruf vokal dan huruf konsonan di dalam kotak M dan kotak N .

Diagram 9.1 shows a number of cards labelled with vowels and consonants in box M and box N .



Rajah 9.1/Diagram 9.1

- (a) Dua keping kad dipilih secara rawak, kad pertama dari kotak M diikuti satu lagi kad dari kotak N . Senaraikan ruang sampel.
Two cards are chosen at random, the first one from box M and followed by another from box N . List the sample space.
[2 markah/marks]
- (b) Dengan menyenaraikan semua kesudahan yang mungkin, hitung kebarangkalian bahawa
By listing all the possible outcomes, calculate the probability that
- (i) kad pertama berlabel huruf "T" dan kad kedua berlabel huruf konsonan,
the first card is labelled with the letter "T" and the second card is labelled with a consonant,
[2 markah/marks]
- (ii) kad yang sama label dipilih.
the cards of the same label are choosen.
[2 markah/marks]
- (c) Rajah 9.2 menunjukkan nilai bagi kad berlabel S, K, O, R .
Diagram 9.2 shows the value of cards labelled S, K, O, R .



Rajah 9.2/Diagram 9.2

Hitung nilai bagi $(S + O) - (K - R)$, diungkapkan dalam asas sembilan.
Calculate the value of $(S + O) - (K - R)$, expressed in base nine.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:

(a)

(b) (i)

(ii)

(c)

15. Jadual 2 menunjukkan catatan percutian Akhtar bersama kakaknya ke Desaru, Johor.

Table 2 shows Akhtar's record of his holiday to Desaru, Johor with his sister.

Tarikh/Date: 04.04.2023 Hari/Day: Selasa/Tuesday	Catatan Record
11:00 a.m.	Bertolak dari rumah sejauh 180 km sebelum berhenti rehat di R&R Air Keroh <i>Depart from home and travel 180 km before stopped at Air Keroh R&R</i>
1:00 p.m.	Berhenti rehat di R&R Air Keroh <i>Stopped for rest at Air Keroh R&R</i>
1:45 p.m.	Meneruskan perjalanan dengan kelajuan purata 96 km j^{-1} <i>Continue the journey at an average speed of 96 km h^{-1}</i>
3:00 p.m.	Tiba di Desaru <i>Arrive in Desaru</i>

Jadual 2/Table 2

(a) Nyatakan tempoh masa, dalam jam, mereka berhenti rehat.

State the duration, in hours, that they stopped for rest.

[1 markah/mark]

(b) Hitung laju, dalam kmj^{-1} , perjalanan dari rumah sebelum berhenti rehat.

Calculate the speed, in km h^{-1} , for the journey from his home to the rest stop.

[2 markah/marks]

(c) Hitung jarak, dalam km, yang dilalui selepas berhenti rehat.

Calculate the distance, in km, they travelled after rest.

[2 markah/marks]

(d) Seterusnya, lengkapkan graf jarak-masa di ruang jawapan untuk menunjukkan perjalanan mereka pada hari tersebut.

Hence, complete the distance-time graph in the answer space to show their journey on that day.

[3 markah/marks]


Jawapan/Answer:

(a)

(b)

(c)

(d)



Bahagian C
Section C
[15 markah/marks]

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.
*Answer **one** question only in this section.*

16. Encik Christopher merupakan seorang pengusaha restoran makanan barat. Dia menjual dua jenis menu utama iaitu *Chicken Chop* dan *Lamb Chop*.

Encik Christopher is a western food restaurant entrepreneur. He sells two types of main menu which are Chicken Chop and Lamb Chop.

(a) Encik Christopher menjual dua menu tersebut pada kadar harga yang sangat berpatutan. Diberi harga bagi satu set *Chicken Chop* dan satu set *Lamb Chop* masing-masing ialah RM12 dan RM15.

Encik Christopher sells the two menus at a very reasonable price. Given the price for a set of Chicken Chop and a set of Lamb Chop are RM12 and RM15 respectively.

(i) Tulis nisbah harga satu set *Chicken Chop* kepada harga satu set *Lamb Chop* dalam bentuk termudah. *Write the ratio of the price of a set of Chicken Chop to the price of a set of Lamb Chop in the simplest form.*

(ii) Hasil jualan 23 set *Chicken Chop* dan x set *Lamb Chop* ialah RM546. Cari bilangan set *Lamb Chop* yang dijual.

The total sales of 23 sets of Chicken Chop and x sets of Lamb Chop is RM546. Find the number of set of Lamb Chops sold.

[3 markah/marks]

(b) Dalam satu program keusahawanan, Encik Christopher membuka dua gerai jualan selama dua hari. Jadual 3.1 menunjukkan maklumat perjalanan Encik Christopher ke tapak jualan tersebut.

In an entrepreneurship programme, Encik Christopher operates two stalls for two days. Table 3.1 shows an information of Encik Christopher's journey to the sales site.

Waktu <i>Time</i>	Huraian <i>Description</i>
8:00 a.m.	Bertolak dari restoran <i>Departs from the restaurant</i>
8:30 a.m.	Berhenti di R&R <i>Stop at R&R</i>
8:40 a.m.	Bertolak dari R&R <i>Departs from R&R</i>
9:00 a.m.	Sampai di tempat program <i>Arrive at the programme</i>

Jadual 3.1/ Table 3.1

Diberi jarak di antara restoran dengan R&R ialah 40 km dan jarak di antara R&R dengan tempat program ialah 30 km.

Given that the distance between the restaurant and R&R is 40 km and the distance between R&R and the programme place is 30 km.

(i) Mengandaikan lori bergerak dengan laju seragam sepanjang perjalanan, lukis satu graf jarak-masa mewakili perjalanan tersebut.


Assuming the lorry travels at a uniform speed throughout the journey, draw a distance-time graph representing the journey.

(ii) Seterusnya, nyatakan laju lori, dalam km min^{-1} , bagi 30 minit yang pertama.

Then, state the speed of the lorry, in km min^{-1} , for the first 30 minutes.

[4 markah/marks]

- (c) Encik Christopher menetapkan sasaran jualan sepanjang dua hari tersebut. Rajah 10 menunjukkan plot titik bilangan set menu yang berjaya dijual oleh setiap pekerja sepanjang program tersebut.
Encik Christopher has set a sales target for the two days. Diagram 10 shows a dot plot of the number of sets of menus sold by each employee during the programme.



Rajah 10/Diagram 10

Diberi bahawa Encik Christopher mensasarkan 25 set menu dijual oleh setiap pekerja. Salah seorang pekerjanya membuat kenyataan berikut:

Given that Encik Christopher is targeting of 25 sets of menus sold by each employee. One of his employees made the following statement:

“Kami berjaya mencapai sasaran jualan.”
 “We managed to achieve the sales target.”

Berdasarkan maklumat pada Rajah 10, berikan satu hujah yang menyokong atau menyangkal kenyataan pekerja tersebut.

Based on the information in Diagram 10, give an argument to support or refute the employee’s statement.

[4 markah/marks]

- (d) Encik Christopher membuat analisis prestasi pekerjanya sepanjang program keusahawanan tersebut. Jadual 3.2 menunjukkan kebarangkalian bilangan set menu yang paling banyak dijual oleh pekerja sepanjang program tersebut.

Encik Christopher made an analysis of the performance of his employees during the entrepreneurship programme. Table 3.2 shows the probability of the most number of menu sets sold by employees throughout the programme.

Pekerja <i>Employee</i>	Kebarangkalian bilangan set menu yang paling banyak dijual <i>Probability of the most number of menu sets sold</i>	
	Gerai / Stall X	Gerai / Stall Y
Lelaki <i>Male</i>	$\frac{3}{5}$	$\frac{11}{15}$
Perempuan <i>Female</i>	$\frac{4}{7}$	$\frac{5}{8}$

Jadual 3.2 / Table 3.2

Encik Christopher akan memberikan bonus kepada pekerja yang menjual set menu dengan kebarangkalian lebih daripada $\frac{2}{5}$. Pada pendapat anda, pekerja di gerai manakah yang akan mendapat bonus itu? Justifikasikan jawapan anda.

Encik Christopher will give a bonus to the employee who sells the menu set with a probability more than $\frac{2}{5}$. In your opinion, the employee from which stall will receive the bonus? Justify your answer.


[4 markah/marks]

Jawapan/*Answer*:

(a) (i)

(ii)

(b) (i)



(ii)

(c)


(d)

17. Siew Ling seorang olahraga maraton. Setiap minggu dia akan menjalani latihan intensif di pusat latihan bersama rakan sepasukannya.

Siew Ling is a marathon athlete. Every week he will undergo intensive training at the training centre with his teammates.

(a) Rajah 11.1 menunjukkan graf laju-masa bagi larian Siew Ling pada suatu hari tertentu.

Diagram 11.1 shows the speed-time graph of Siew Ling's run on a particular day.



Rajah 11.1/Diagram 11.1

Berdasarkan graf laju-masa itu,


Based on the speed-time graph,

- (i) nyatakan tempoh masa laju seragam, dalam minit,
state the duration of uniform speed, in minutes,
- (ii) hitung jarak yang dilalui, dalam km, dalam tempoh 1.3 jam terakhir.
calculate the distance travelled, in km, for the last 1.3 hours.

[3 markah/marks]

(b) Pada hujung minggu yang lepas, Siew Ling telah mengikuti kem latihan berpusat di sebuah pulau bersama rakan sepasukan. Mereka menginap di sebuah hotel di pulau itu. Rajah 11.2 menunjukkan graf tak terarah dan berpemberat bagi beberapa tempat yang dilalui mereka sepanjang latihan tersebut.

Last weekend, Siew Ling attended a centralised training camp on an island with teammates. They stayed at a hotel on the island. Diagram 11.2 shows the undirected and weighted graph of the several places they travelled during the training.



Petunjuk/Legend:


<i>H</i>	Hotel
<i>P</i>	Pantai
<i>Q</i>	Menara tinjau
<i>R</i>	Taman rekreasi
<i>S</i>	Denai kampung
<i>T</i>	Air terjun
<i>U</i>	Jalan raya utama

Rajah 11.2/Diagram 11.2

- (i) Lukis satu graf terarah yang mewakili masa larian paling lama dari hotel ke air terjun dengan keadaan semua laluan hanya dilalui sekali sahaja.
Draw a directed graph that represents the longest running time from the hotel to the waterfall such that all routes only can be travelled once.
- (ii) Seterusnya, hitung masa larian paling lama itu, dalam jam dan minit.
Next, calculate the running longest time, in hours and minutes.

[4 markah/marks]

- (c) Siew Ling dan rakannya, Matthew menyewa dua buah basikal untuk meninjau laluan larian. Siew Ling dan Matthew masing-masing menyewa basikal *X* dan basikal *Y*. Rajah 11.3 menunjukkan diameter rim dan tebal tayar basikal *X*. Diberi bahawa diameter rim basikal *Y* ialah 0.75 kali diameter rim basikal *X*.
Siew Ling and his friend, Matthew rented two bicycles to survey the running route. Siew Ling and Matthew rented bicycle X and bicycle Y respectively. Diagram 11.3 shows the rim diameter and tire thickness of bicycle X. Given that the diameter of the rim of bicycle Y is 0.75 time the diameter of the rim of bicycle X.



Rajah 11.3/Diagram 11.3

Mengandaikan bahawa jarak kayuhan yang dilakukan oleh Siew Ling dan Mathew ialah 25 km dan tebal tayar basikal *X* dan *Y* adalah sama, hitung beza bilangan putaran lengkap antara kedua-dua tayar basikal itu.

Assuming that the distance cycled by Siew Ling and Mathew is 25 km and the tire thickness of bicycle X and Y are the same, calculate the difference in the number of complete rotations between the two bicycle tires.

[4 markah/marks]

- (d) Siew Ling ingin membeli dua peralatan sukan yang sama untuk kegunaan latihan. Dia mempertimbangkan sama ada membeli terus dari kedai di pekan berdekatan atau membeli secara dalam talian. Rajah 11.4 menunjukkan maklumat tentang dua buah kedai tersebut yang menjual peralatan senaman yang sama.
Siew Ling wants to buy two similar sports equipment for training uses. He considered whether to buy directly from a shop in a town nearby or to buy online. Diagram 11.4 shows an information about the two shops that sell the same exercise equipment.

Kedai/Shop Fitness Top Sdn. Bhd.	Kedai dalam talian/Online shop Refresh Yourself, USA
<ul style="list-style-type: none"> • Harga bagi satu peralatan: RM800 <i>Price for one equipment: RM800</i> • Diskaun 8% bagi setiap peralatan <i>8% discount for each equipment</i> • Diskaun 15% bagi peralatan kedua <i>15% discount on second equipment</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Harga bagi satu peralatan: USD200 <i>Price for one equipment: USD200</i> • Diskaun 20% bagi setiap peralatan <i>20% discount for each equipment</i> • Kos penghantaran (dua peralatan): USD50 <i>Shipping cost (two equipments): USD50</i>

Rajah 11.4/Diagram 11.4

Diberi bahawa RM1 = USD0.23. Tentukan kedai yang seharusnya menjadi pilihan Siew Ling bagi menjimatkan wangnya. Justifikasikan jawapan anda.

Given that RM1 = USD0.23. Determine the store should be chosen by Siew Ling to save money. Justify your answer.

[4 markah/marks]

Jawapan/*Answer*:

(a) (i)

(ii)

(b) (i)

(ii)

(c)

(d)



TUISYEN RAKYAT SELANGOR 2023

Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) telah mula dilaksanakan sejak tahun 2009 dengan tujuan utama untuk membantu meringankan beban rakyat negeri Selangor yang berpendapatan rendah dengan memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka.

Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM25.5 juta sejak PTRS dilaksanakan pada tahun 2019–2022. Melalui pengumuman belanjawan tahun 2023, kerajaan negeri komited untuk terus melaksanakan PTRS ini dan bersetuju memperuntukkan sebanyak RM6 juta. Peruntukan ini akan memberikan manfaat kepada hampir 60,000 orang pelajar SPM.



YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI

DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Untuk tahun ini juga, jumlah subjek mata pelajaran telah ditambah daripada 5 subjek kepada 6 subjek. Hal ini merupakan usaha untuk menjadikan negeri Selangor sebagai negeri yang mendapat keputusan terbaik untuk SPM.

Usaha kerajaan negeri untuk memperkasakan sektor pendidikan akan sentiasa menjadi keutamaan. Justeru, kerajaan negeri sentiasa terbuka dan membuka ruang kepada mana-mana pihak untuk bekerjasama bagi terus memacu agenda pendidikan di negeri ini. Semoga manfaat yang disediakan ini akan dapat membantu para pelajar yang akan menghadapi SPM pada tahun 2024 mendapat keputusan yang cemerlang.

